

19/05/2000

Sekolah Harapan Negara: Empat lagi terpilih

ANUGERAH Sekolah Harapan Negara yang disampaikan sempena sambutan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan setiap tahun, merupakan pengiktirafan serta penghargaan kerajaan terhadap guru sesebuah sekolah di atas dedikasi dan juga pengorbanan mereka terhadap pembangunan pendidikan.

Penganugerahan itu mengiktiraf model sekolah contoh terbabit dalam konteks semasa yang dapat dimanfaatkan oleh sekolah lain untuk membuat penilaian secara ikhtisas terhadap pencapaian dan cabaran dihadapi oleh pendidik di sekolah berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Ini sejajar dengan objektif penganugerahan berkenaan, iaitu memupuk, mengembang dan juga menyuburkan perasaan perpaduan di kalangan guru bagi mencapai tahap profesion keguruan yang tinggi ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam konteks semasa.

Selain itu, penganugerahan berkenaan juga bertujuan memberi penilaian secara objektif terhadap sumbangan guru dalam melaksanakan dasar dan juga falsafah pendidikan negara bagi mencetuskan semangat persaingan yang sihat serta berkesan di kalangan mereka.

Tahun ini, empat lagi sekolah dipilih memenangi anugerah Sekolah Harapan Negara bagi kategori masing-masing dalam majlis pelancaran perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, Selasa lalu.

Sekolah terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Rokam, Ipoh, bagi kategori Sekolah Rendah Bandar, SK Tok Jiring, Kuala Terengganu (Sekolah Rendah Luar Bandar), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Joseph, Kuching (Sekolah Menengah Bandar), dan SMK Tanjung Pauh, Jitra (Sekolah Menengah Luar Bandar).

Seterusnya, SK Convent di Kajang, Selangor, menduduki tempat naib johan pertama bagi kategori Sekolah Rendah Bandar, SK Batu 38, Sabak Bernam (Sekolah Rendah Luar Bandar), SMK Jitra, Jitra (Sekolah Menengah Bandar), dan tiada pemenang bagi kategori Sekolah Menengah Luar Bandar.

Tempat naib johan kedua pula diduduki oleh SK Sultan Abu Bakar (2) di Muar, Johor, bagi kategori Sekolah Rendah Bandar, SK Seri Kerian, Parit Buntar (Sekolah Rendah Luar Bandar), SMK Puteri Ampang, Kuala Lumpur (Sekolah Menengah Bandar), dan SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar (Sekolah Menengah Luar Bandar).

(END)